192

NO SOALAN :272

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI (BUKIT BENDERA)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan pembangunan Tanjung Tokong, Pulau Pinang oleh UDA dan jangkaan keuntungan UDA daripada projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UDA Holdings Bhd (UDA) merupakan sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan yang terlibat dalam pembangunan dan pelaburan hartanah serta pegangan pelaburan. UDA diberi mandat oleh Kerajaan untuk meningkatkan pemilikan hartanah oleh Bumiputera di

kawasan-kawasan bandar dan juga membantu usahawan Bumiputera memiliki/ menyewa lot-lot perniagaan di premis/ kompleks perniagaan milik UDA.

UDA telah diberi sebuah kawasan seluas 43.45 ekar untuk dibangunkan yang juga dikenali sebagai Pembangunan Warisan Tanjung (Warisan Tanjung) di Bandar Tanjong Tokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Sebagai balasan, UDA turut diberi Tanah Tebusguna (Desiran Tanjung) seluas 54.28 ekar.

Pembangunan Warisan Tanjung dan Desiran Tanjung ini adalah berkaitan dengan penglibatan UDA dalam Pembangunan Penempatan Semula Penduduk Kampong Tanjong Tokong sejak tahun 1980 di mana sejumlah 576 keluarga telah ditempatkan di Fasa 1, 2 dan 3 Rumah Pangsa UDA.